



PROF. DR. ABDUL HALIM ABDUL GAFOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 13 Mei 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 18/2025

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN SEMENA SAMBUTAN PESTA KEAMATAN, PERAYAAN HARI GAWAI, HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN HARI RAYA AIDILADHA BERMULA 29 MEI 2025 SEHINGGA 8 JUN 2025

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan sambutan Pesta Keamatan yang akan disambut pada 30 hingga 31 Mei 2025 (Jumaat hingga Sabtu), perayaan Hari Gawai yang akan disambut pada 1 hingga 2 Jun 2025 (Ahad hingga Isnin), Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 2 Jun 2025 (Isnin) serta Hari Raya Aidiladha yang akan disambut pada 6 Jun 2025 (Jumaat) adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara tersebut kepada pelajar yang terlibat **tertakluk kepada kelulusan Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P)** bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut dengan:

- i. Memberikan pelepasan kuliah;
- ii. Melaksanakan aktiviti Pengajaran & Pembelajaran (P&P) secara dalam talian atau hibrid; **dan/atau**
- iii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

3. Bagi para pelajar yang menghadapi kesukaran mendapatkan tiket pulang ke kampus selepas bercuti untuk menghadiri kuliah, disarankan dapat berbincang dengan para pensyarah kursus masing-masing bagi menentukan kaedah lain yang bersesuaian.

4. Pihak Universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa berhati-hati ketika pulang ke kampung halaman dan semoga semuanya selamat sampai ke destinasi yang dituju dan pulang kembali ke kampus kelak.

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89215016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/cansolori

ILMU, MUTU DAN BUDI


www.ukm.my

Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“Selamat Menyambut Pesta Keamatan, Hari Gawai dan Hari Raya Aidiladha”

Yang benar,



PROF. DR. ABDUL HALIM BIN ABDUL GAFOR

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.: - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik, UKM
 - Yang Dipertua, Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89215016 E-mel: tncheaa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my